

Terpulang pada China untuk perbaiki hubungan —Mahathir

ALUR SETAR 15 Nov.
— Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang akan mengetuai lawatan rasmi ke Republik Rakyat China (RRC) mulai Rabu ini berkata, terpulang kepada

negara berkenaan untuk memperbaiki hubungan yang wujud sekarang dengan Malaysia.

Hubungan diplomatik antara Republik Rakyat China dengan Malaysia sekarang ialah berbeza atas dasar antara kerajaan dengan kerajaan dan parti dengan parti.

"Itu terpulang kepada China, pendirian kita telah dijelaskan berkali-kali dan tak payah saya ulang lagi," tegas Perdana Menteri.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sama ada masalah tersebut yang pernah dibangkitkan oleh Malaysia ketika Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri dulu, akan dibincangkan atau tidak dalam lawatan itu nanti.

Perdana Menteri menegaskan bahawa selagi negara berkenaan tidak mengubah dasarnya, Malaysia tidak boleh mengadakan hubungan yang sa-

ma seperti dengan negara-negara lain yang tidak ada hubungan dengan parti yang cuba menentang kerajaan dengan secara kekerasan.

Katanya: "Selagi dia tak ubah, kita tak boleh buat apa-apa."

Bercakap kepada para wartawan selepas mengadakan perjumpaan dengan pemimpin UMNO seluruh Negeri Kedah di Bangunan Tunku di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan lawatannya ke Republik Rakyat China bertujuan bagi dapat meningkatkan lagi perniagaan antara kedua buah negara yang telah lama wujud.

Beliau menambah, lawatan tersebut juga bagi mengenali pemimpin-pemimpin China seperti juga dengan para pemim-

pin negara-negara lain yang ada hubungan dengan Malaysia.

Di samping itu, Perdana Menteri juga berharap untuk melihat perubahan yang sedang berlaku di China dan apa kesannya perhubungan Republik Rakyat China dengan negara-negara asing termasuk Asia.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengesahkan sempena lawatan itu beliau juga akan menyerahkan 10 buah kereta nasional buatan Malaysia "Proton Saga" yang telah dihantar ke negara tersebut.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan penghantaran kereta Proton Saga ke negara China bagi memenuhi tempahan yang dibuat oleh sebuah syarikat usa-

LIHAT MUKA 6

Perbaiki hubungan

UM 16 NOV 1985

hasama Hong Kong dan Malaysia di Republik Rakyat China yang memerlukan kereta tersebut.

Mengulas dakwaan adanya perbuatan sabotaj terhadap Proton Saga, Perdana Menteri menolak dakwaan tersebut sambil menyifatkan kemungkinan berlakunya persaingan dari syarikat-syarikat menjual kereta di negara ini bagi menarik pembeli masing-masing.

"Terpulanglah kepada mereka nak beli atau tidak," jelas beliau.

Bagaimanapun, Datuk Sri Dr. Mahathir mengakui kemungkinan ada berlaku keganasan bagi cuba merosakkan Proton Saga bila kereta nasional itu dipasarkan dan dipamerkan di seluruh negara baru-baru ini di samping berharap pihak Edaran Otomobil Nasional (EON) supaya sentiasa berjaga-jaga dalam menjalankan perniagaannya.

Di Kota Bharu Menteri Luar Tengku Ahmad Rithauddeen berkata, Malaysia akan memeteraikan beberapa perjanjian penting dengan Negeri China sempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad pada 20 November ini.

Katanya, perjanjian-perjanjian itu termasuklah perdagangan dua hala dengan negara itu bagi meningkatkan lagi perkembangan ekonomi di antara kedua negara.

"Ini termasuk juga perjanjian perdagangan antara pihak swasta negara kita," ujarnya.

Bercakap kepada para pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan penduduk di Mu-

kim Bangu di sini beliau percaya melalui perjanjian perdagangan dua hala itu nanti akan memberi keuntungan yang lebih besar bagi kedua negara.

"Selama ini kita bergantungan kepada negara kedua untuk mengimport barangan dari China, begitu juga negara China mengimport barangan Malaysia yang begitu banyak memberi keuntungan kepada negara kedua," jelasnya.

Tengku Ahmad Rithauddeen percaya rundingan yang akan dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dengan Perdana Menteri China nanti akan mencapai kejayaan yang besar di antara kedua negara.

Selain dari itu katanya, melalui rundingan itu juga akan merapatkan lagi hubungan diplomatik di antara kedua negara serta menghapuskan perkara-perkara syak wasangka yang timbul sebelum ini.

"Akibat adanya timbul syak wasangka telah menghalang hubungan dua hala terutama di segi perdagangan antara kedua negara sedangkan perkara itu begitu menguntungkan kedua-dua belah pihak," jelasnya lagi.

Beliau menegaskan, sudah menjadi dasar negara untuk mengadakan hubungan rapat dengan semua negara di dunia ini tanpa mengira ideologi politik demi untuk mendapat peluang perdagangan.

Menyentuh mengenai pelawaan Russia terhadap Perdana Menteri melawat Moscow, beliau menyatakan memang benar pelawaan itu telah diterima dengan rasminya tetapi setakat ini jawapan belum lagi dibuat.